ISCOS

Publication: Berita Minggu

Date: Sunday, 13 January 2019

Page: 9

Headline: Iscos yakin peluang kedua boleh bantu bekas pesalah

# Iscos yakin peluang kedua boleh bantu bekas pesalah

## Bertekad pertingkat dan perhalusi program bantuan elak masalah pesalah bentan

NAZRY MOKHTAR
nazry@sph.com.sg

LEBIH banyak program dan bantuan akan dihulurkan kepada bekas pesalah dan keluarga mereka untuk membantu mereka menjalani pemulihan dan mengelak daripada terjerumus semula ke kancah jenayah.

Inilah antara matlamat Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) dalam usaha mengurangkan kadar kebentanan di Singapura.

Mendedahkan demikian kepada *Berita Minggu*, Pengarah Eksekutif Iscos, Cik Doris Ng, berkata:

"Untuk mengurangkan kadar kebentanan dan mengelak anggota keluarga daripada terjebak, kami mahu meningkatkan dan menghalusi lagi program dan perkhidmatan kami agar dapat memenuhi keperluan bekas pesalah dan keluarga mereka dengan lebih baik lagi.

"Ini termasuk menyedia dan mengekalkan pekerjaan, mengukuhkan unit keluarga dan mewujudkan persekitaran sosial yang baik.

"Kami akan terus bekerja rapat dengan rakan kongsi kami dan meninjau bidang-bidang yang boleh memberi sokongan lebih baik kepada benefisiari kami dan juga berusaha mengembangkan rangkaian kami dan menjalin perkongsian dan kerjasama yang baru."

Iscos ditubuhkan pada 1989 dan bertujuan membantu bekas pesalah untuk kembali ke pangkal jalan dan berintegrasi semula ke dalam masyarakat.

Antara lain, persatuan itu menyediakan bantuan mencari pekerjaan dan latihan, menawarkan sokongan bagi pemulihan, dan program bimbingan keluarga dan anak-anak.

Memberi perkembangan terkini, Cik Ng berkata pihaknya telah memberi sokongan kepada lebih 500 bekas pesalah untuk mendapatkan kelayakan kerjaya di bawah Skim Subsidi Bantuan Kemahiran (SASS) sejak 2014.

Sekitar 500 bekas pesalah juga telah meraih manfaat daripada Projek Reconnect sejak 2017 yang bertujuan membantu bekas pesalah menyesuaikan diri kepada perubahan dan tren terkini dalam masyarakat.

Iscos juga telah mendekati lebih 700 keluarga di bawah Program Fairy Godparent (FGP) yang menawarkan program bimbingan dan bantuan kewangan kepada keluarga bekas pesalah.

Lebih 1,500 pelajar juga telah menerima Anugerah Biasiswa dengan jumlah dana sebanyak $527,000.

"Di Iscos, kami percaya peluang kedua boleh membantu bekas pesalah mengatasi rintangan yang mereka hadapi. Kami juga dapati bantuan yang disasarkan kepada bekas pesalah dan keluarga mereka adalah penting untuk memenuhi keperluan mereka secara komprehensif," kata Cik Ng.

Di minta mengulas tentang trend dadah, beliau berkata pihaknya dapat melihat lebih ramai warga muda terjebak dengan dadah.

Menurut beliau, trend tersebut membimbangkan.

Justeru, Iscos memberi ceramah pencegahan dan perkongsian di sekolah sebagai melengkapi program pencegahan yang dilaksanakan oleh pertubuhan lain.

"Pada masa sama, kami juga melihat ramai bekas pesalah yang terperangkap dalam



JALIN KEMESRAAN: Setiausaha Parlimen Kanan (Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Pendidikan) Dr Faishal Ibrahim beramah-tamah dengan keluarga penerima Anugerah Biasiswa Iscos selepas majlis penyampaian baru-baru ini. – Foto ISCOS

"Untuk mengurangkan kadar kebentanan dan mengelak anggota keluarga daripada terjebak, kami mahu meningkatkan dan menghalusi lagi program dan perkhidmatan kami agar dapat memenuhi keperluan bekas pesalah dan keluarga mereka dengan lebih baik lagi.
"Ini termasuk menyedia dan mengekalkan pekerjaan, mengukuhkan unit keluarga dan mewujudkan persekitaran sosial yang baik."



pan dengan keluar masuk penjara.

"Oleh itu mereka terputus hubungan dengan masyarakat dan mendapati sukar untuk mengikuti perubahan deras dalam masyarakat sekaligus menyukarkan percubaan mereka untuk mengelak daripada ketagihan dan menjalani pemulihan semula," kata Cik Ng.

Menyentuh tentang rancangan masa depan, Cik Ng berkata pihaknya berharap dapat mendekati lebih ramai bekas pesalah yang sudah kembali ke pangkal jalan dan mempunyai keyakinan diri untuk menyumbang kepada masyarakat.

Dikenali sebagai Iscos Titans, individu ini dilatih dan diberi kepercayaan untuk menyampaikan ceramah motivasi dan perkongsian peribadi di penjara dan sekolah.

Ini boleh memberi inspirasi dan mengalak banduan dan belia berisiko agar menjalani kehidupan yang lebih baik.

Iscos juga akan memperkenalkan sebuah

Text:

## Iscos yakin peluang kedua boleh bantu bekas pesalah

LEBIH banyak program dan bantuan akan dihulurkan kepada bekas pesalah dan keluarga mereka untuk membantu mereka menjalani pemulihan dan mengelak daripada terjerumus semula ke kancah jenayah.

Inilah antara matlamat Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) dalam usaha mengurangkan kadar kebentanan di Singapura.

Mendedahkan demikian kepada *Berita Minggu*, Pengarah Eksekutif Iscos, Cik Doris Ng, berkata:

"Untuk mengurangkan kadar kebentaran dan mengelak anggota keluarga daripada terjebak, kami mahu meningkatkan dan menghalusi lagi program dan perkhidmatan kami agar memenuhi keperluan bekas pesalah dan keluarga mereka dengan lebih baik lagi."

"Ini termasuk menyedia dan mengekalkan pekerjaan, mengukukan unit keluarga dan mewujudkan persekitaran sosial yang baik."

"Kami akan terus bekerja rapat dengan rakan kongsi kami dan meninjau bidang-bidang yang boleh memberi sokongan lebih baik kepada benefisiari kami dan juga berusaha mengembangkan rangkaian kami dan menjalin perkongsian dan kerjasama yang baru."

Iscos ditubuhkan pada 1989 dan bertujuan membantu bekas pesalah untuk kembali ke pangkal jalan dan berintegrasi semula ke dalam masyarakat.

Antara lain, persatuan itu menyediakan bantuan mencari pekerjaan dan latihan, menawarkan sokongan bagi pemulihan, dan program bimbingan keluarga dan anak-anak.

Memberi perkembangan terkini, Cik Ng berkata pihaknya telah memberi sokongan kepada lebih 500 bekas pesalah untuk mendapatkan kelayakan kerjaya di bawah Skim Subsidi Bantuan Kemahiran (SASS) sejak 2014.

Sekitar 500 bekas pesalah juga telah meraih manfaat daripada Projek Reconnect sejak 2017 yang bertujuan membantu bekas pesalah menyesuaikan diri kepada perubahan dan tren terkini dalam masyarakat.

Iscos juga telah mendekati lebih 700 keluarga di bawah Program Fairy Godparent (FGP) yang menawarkan program bimbingan dan bantuan kewangan kepada keluarga bekas pesalah.

Lebih 1,500 pelajar juga telah menerima Anugerah Biasiswa dengan jumlah dana sebanyak $527,000.

"Di Iscos, kami percaya peluang kedua boleh membantu bekas pesalah mengatasi rintangan yang mereka hadapi. Kami juga dapati bantuan yang disasarkan kepada bekas pesalah dan keluarga mereka adalah penting untuk memenuhi keperluan mereka secara komprehensif," kata Cik Ng.

Di minta mengulas tentang trend dadah, beliau berkata pihaknya dapat melihat lebih ramai warga muda terjebak dengan dadah.

Industrial & Services Co-operative Society Ltd
237 Alexandra Road #04-19 The Alexcier Singapore 159929
T (65) 6743 7885 | F (65) 6472 1987 | www.iscos.org.sg

Menurut beliau, trend tersebut membimbangkan.

Justeru, Iscos memberi ceramah pencegahan dan perkongsian di sekolah sebagai melengkapi program pencegahan yang dilaksanakan oleh pertubuhan lain.

"Pada masa sama, kami juga melihat ramai bekas pesalah yang terperangkap dalam 'pintu yang berputar' melibatkan kesalahan dadah."

"Pesalah ini sudah mensesiakan kehidupan dengan keluar masuk penjara."

"Oleh itu mereka terputus hubungan dengan masyarakat dan mendapati sukar untuk mengikuti perubahan deras dalam masyarakat sekaligus menyukarkan percubaan mereka untuk mengelak daripada ketagihan dan menjalani pemulihan semula," kata Cik Ng.

Menyentuh tentang rancangan masa depan, Cik Ng berkata pihaknya berharap dapat mendekati lebih ramai bekas pesalah yang sudah kembali ke pangkal jalan dan mempunyai keyakinan diri untuk menyumbang kepada masyarakat.

Dikenali sebagai Iscos Titans, individu ini dilatih dan diberi kepercayaan untuk menyampaikan ceramah motivasi dan perkongsian perbadi di penjara dan sekolah.

Ini boleh memberi inspirasi dan mengalak banduan dan belia berisko agar menjalani kehidupan yang lebih baik.

Iscos juga akan memperkenalkan sebuah aplikasi telefon bimbit yang dapat memberi khidmat lebih baik kepada para benefisari tahun ini.

Translation:

## ISCOS believes that second chances can help ex-offenders

More programmes and assistance will be extended to ex-offenders and their families to help them rehabilitate and avoid falling back into crime.

This is one of the goals for the Industrial and Services Co-Operative Society (Iscos), in an effort to reduce recidivism in Singapore.

Revealing this to *Berita Minggu*, ISCOS Executive Director Ms Doris Ng said:

"To reduce recidivism and prevent inter-generational offending, we seek to further beef up and fine tune our programmes and services to better target the needs of ex-offenders and their families."

"This includes the provision and sustaining of employment, the strengthening of family units and a pro-social network."

"We will continue to work closely with our partners to look into new areas to better support our beneficiaries, and also seek to expand our network, forging new partnerships and collaborations."

Iscos was founded in 1989 and aims to help ex-offenders to re-adjust and reintegrate into society.

Among other things, the organisation provides assistance in finding jobs and training, offering support for rehabilitation and programmes to support families and children.

Giving the latest update, Ms Ng said that the organisation has supported more than 500 ex-offenders to get a career qualification under the Skills Assistance Subsidy Scheme (SASS) since 2014.

Close to 500 ex-offenders have also benefited from Project Reconnect since its inception in 2017. This is a programme aimed at helping ex-offenders adapt to the latest changes and trends in society.

ISCOS has also reached out to more than 700 families under the Fairy Godparent Programme (FGP) which offers support and educational assistance to the children and families of ex-offenders.

More than 1,500 students have received bursary awards and book grants, with a cumulative total of $527,000 disbursed over the years.

"At ISCOS, we believe second chances offer an opportunity for ex-offenders to overcome the odds they face. We also observe that assistance targeting both ex-offenders and their families are imperative to comprehensively address their needs as a whole," Ms Ng said.

When asked about her observations on the drug situation in Singapore, Ms Ng said that more young people are involved in drugs, which is a worrying trend.

As such, ISCOS provides preventative talks and sharing sessions at schools, complementing the prevention efforts implemented by other organisations.

Industrial & Services Co-operative Society Ltd
237 Alexandra Road #04-19 The Alexcier Singapore 159929
T (65) 6743 7885 | F (65) 6472 1987 | www.iscos.org.sg

"At the same time, we see many ex-offenders who have been trapped in the 'revolving door" phenomenon' where drug offences are concerned."

"These ex-offenders have already wasted many of their years going in and out of prison."

"As such, they have lost touch with society today and have difficulty keeping pace with the rapid changes in society, further exacerbating their difficulty in staying away from addiction and going through reintegration," Ms Ng said.

Touching on future plans, Ms Ng said the organisation hopes to reach out to more ex-offenders who have reintegrated and have the confidence in contributing to society.

Known as the ISCOS Titans, these individuals are trained and entrusted to conduct motivational talks and sharing sessions in prisons and schools.

This can inspire and encourage inmates and youth-at-risk to lead a better life.

ISCOS will also introduce a mobile app that will provide better services to beneficiaries this year.